

**SOALAN NO: 192**

Sdn Bhd dan Telekom Applied Business Sdn Bhd kepada sektor awam dan swasta terutamanya di sektor perbankan. Pada akhir tahun 2016, jumlah eID atau sijil digital yang telah dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Pemerakuan telah mencapai 9.3 juta iaitu peningkatan sebanyak 1 juta dari tahun sebelumnya dan pihak kementerian mensasarkan jumlah eID mampu mencapai 10 juta pada akhir tahun 2017.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DATUK JUSLIE BIN  
AJIROL [ LIBARAN ]**

**SOALAN :**

**Datuk Juslie Bin Ajirol [ Libaran ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah pendaftaran pemilih baharu pada suku ketiga dan suku keempat 2016 serta berapa jumlah permohonan untuk pertukaran alamat pusat mengundi daripada pemilih yang sedia berdaftar mengikut negeri.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi Daftar Pemilih Tambahan Suku Tahun Ketiga Tahun 2016 (DPT ST3/2016) jumlah pendaftaran baru adalah seramai 497,577 dan pendaftaran tukar alamat adalah seramai 82,445.

Manakala jumlah pendaftaran pemilih bagi Daftar Pemilih Tambahan Suku Tahun Keempat Tahun 2016 (DPT ST4/2016) masih belum boleh disahkan atau diwartakan oleh SPR.

Sekian, terima kasih.